

# Toh tidak jemu tabur jasa dalam pendidikan pergigian

Oleh HALINA MD.NOOR  
gayautusan@mediamula.com.my

**T**EKAD yang tinggi, semangat berani dan sedikit tuah, meletakkan namanya di peringkat global apabila dianugerahkan Pingat Antarabangsa Fakulti Pembedahan Pergigian 2022 oleh Kolej DiRaja Pakar Bedah Edinburgh (RCSEd).

Profesor Pergigian Restoratif, Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Kuala Lumpur, Prof. Toh Chooi Gait, menyifatkan pengiktirafan itu, sebagai menambah semangatnya untuk terus menyumbang dalam bidang pergigian.

Katanya, bukan sedikit halangan dilalui mendaki tangga kejayaan, tetapi berjaya dilaksanakan dengan penuh kecekalan.

Ia dibuktikan apabila beliau antara lima pelajar lulus peperiksaan paling sukar pernah dilaluinya bagi mendapatkan Diploma Pergigian Restoratif, Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh.

Selepas menamatkan pengajian di United Kingdom, beliau ke Universiti Malaya dan mendedikasikan 30 tahun memperkembangkan bidang pergigian di negara ini.

Beliau juga menjadi antara insan bertanggungjawab menubuhkan fakulti pergigian di IMU pada 2007 dan membina idea inovatif yang belum teruji dan dicuba dalam bidang pendidikan perubatan negara.

"Ketika merangka kurikulum, rakan kongsi fakulti menyuarakan kesangsihan bahwa terlalu banyak perkara di dalam kurikulum berkenaan yang boleh menghalang pembelajaran. Tapi bagi saya, itulah antara cara yang boleh membuat siswa belajar.

"Saya bawa mereka keluar dari zon selesa dengan idea-idea, konsep dan cara baharu dalam melakukan kerja.

"Kita perlu memberi inspirasi kepada pelajar dan mengekalkan ilmu yang dipelajari. Jika anda menjadikan maklumat itu kekal relevan dan menarik,



**TOH Chooi Gait (dua kanan) bersama ahli keluarga yang sentiasa menjadi tulang belakang dan inspirasi hidupnya.**



**TOH Chooi Gait menerima Pingat Antarabangsa 2022 Kolej Diraja Pakar Bedah Edinburgh daripada Dekan Fakulti Pembedahan Pergigian, Prof. Phil Taylor baru-baru ini.**

orang akan mengingatinnya sepanjang hidup mereka.

"Namun, ia perlulah dilakukan atas sebab-sebab yang betul, bukan kerana mengikut aliran. Pad saya perubahan perlu membawa kepada kemajuan dan meningkatkan kualiti pendidikan, kehidupan atau penjagaan kesihatan," katanya.

Jasanya dalam bidang pendidikan tidak setakat dalam negara tetapi mencakupi negara luar seperti Myanmar dan Vietnam yang

dilihat berpotensi melakukan pembentukan semula wajah yang rumit dengan menggunakan peralatan asas.

"Setiap negara ada masalah tersendiri. Justeru penyelidikan perlu bersifat tempatan supaya ia boleh bergerak maju dan relevan dengan negara itu. Mereka berpotensi besar tetapi kekurangan peluang," katanya yang turut menggunakan dana IADR bagi menyediakan kemudahan komputer dan menyokong mereka untuk memulakan penyelidikan

mereka sendiri.

Manakala melalui SEAADE, beliau berjaya memperkenalkan sistem penilaian rakan sebaya di rantau ini.

"Institut di beberapa negara jiran kita tidak mampu untuk mendapatkan khidmat penilai luar untuk memberikan maklum balas. Jika kita hanya bergantung kepada penilaian dalaman, kita tidak akan tahu sama ada apa yang kita buat itu betul atau tidak. Dalam usaha membantu, saya menawarkan penilaian percuma kepada mereka," katanya.

## **WANITA TUKAR CARA BERFIKIR**

Pola pemikiran wanita perlu berubah bagi menghentikan stereotaip dan stigma mengenai peranan mereka. Ini termasuk mengangap hanya golongan lelaki saja sesuai menjadi pemimpin.

Kata Toh, untuk bangkit, wanitalah terlebih dahulu perlu tahu menghargai dan membantu sesama sendiri dan membebaskan minda yang menghalang wanita untuk maju.

"Wanita tahu mereka boleh bekerja keras, tetapi mereka

## **TOH CHOOI GAIT**

### **Pendidikan:**

- » Universiti Singapura (sekarang Universiti Nasional Singapura) dalam bidang perubatan.
- » Pengajian pasca-siswazah di Institut Pergigian Eastman di Kolej Universiti London-Tawaran biasiswa Komanwel.

### **Kerjaya:**

- » Fakulti Pergigian Universiti Malaya- fakulti pergigian pertama dalam negara pada 1974
- » Pembantu Pensyarah termuda
- » Fellowship, Kolej Pakar Perubatan dan Pakar Bedah DiRaja Glasgow

### **Antara pencapaian:**

- » Presiden pengasas Persatuan Penyelidikan Pergigian Antarabangsa (IADR) Seksyen Malaysia
- » Presiden Persatuan Pendidikan Pergigian Asia Tenggara (SEAADE)
- » Ahli Majlis pengasas Akademi Pergigian Estetik Malaysia
- » Pengerusi Jawatankuasa Peperiksaan Kelayakan Profesional Majlis Pergigian Malaysia (MDC)
- » Penyemak jurnal tempatan dan antarabangsa.

lebih suka bekerja di belakang tabir dan tidak mahu tampil ke hadapan," katanya.

Seiring tema Hari Wanita Sedunia - "Merangkul Kesamarataan", katanya ia seiring dengan falsafah peribadi dan perjalanan kerjayanya.

"Saya pernah bergelar Presiden IADR Divisyen Asia Tenggara sekitar tahun 90-an dan berucap di Korea Selatan, tetapi ramai jemputan tidak menyangka Prof. Toh seorang wanita.

"Mereka yang kebanyakannya lelaki itu tidak tahu bagaimana berurusan dengan saya dan terpaksa menghantar kakitangan lebih muda untuk berjumpa denganya.

"Orang-orang muda yang datang berjumpa itu, memberitahu saya adalah inspirasi mereka kerana memegang jawatan berpangkat tinggi," katanya mengimbau kenangan.

Sungguhpun senarai pencapaian cemerlang sudah berada dalam genggaman, Toh tidak jemu memikirkan bagaimana untuk memberi sumbangan kepada bidang pergigian negara.